




Journal of Madani Society

Journal homepage: <https://journal.srintellectual.com/index.php/jmsc>



Original Article

The Relationship between Gross Domestic Product, Foreign Direct Investments, Inflation Rate and Unemployment in Selected ASEAN Countries

Mohamad Azlan bin Mohamed Asri ^a, Bayu Taufiq Possumah ^b and Grida Saktian Laksito ^{a,*}

^a Faculty of Business, Economics and Social Development, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia; mohamad.azlan@gmail.com (M.A.M.A)

^b Institut Agama Islam Tazkia, Babakan Madang, Kota Bogor, 16810 Jawa Barat, Indonesia; bayuposuma@tazkia.ac.id (B.T.P)

* Correspondence: gridasaktianlaksito@gmail.com (G.S.L)

Citations: Asri, M.A.M. Possumah, B.T. & Laksito, G.S. (2022). The Relationship between Gross Domestic Product, Foreign Direct Investments, Inflation Rate and Unemployment in Selected ASEAN Countries. *Journal of Madani Society*, 1(2), 80-96.

Academic Editor: Nor Fatimah Che Sulaiman.

Received: 18 May 2022

Accepted: 2 August 2022

Published: 31 August 2022

Abstract: Unemployment is one of the significant challenges faced by most developing countries, especially in ASEAN. This study aims to investigate the relationship between gross domestic product, foreign direct investment, inflation rate and unemployment in selected ASEAN countries. The panel data collected from the World Bank covering the period of 1980-2017 for Malaysia, Indonesia and Thailand. The data were analysed using static panel regression. The results of this study showed that Method Random Effect Model (REM) is more appropriate and that gross domestic product has a negative relationship with unemployment. Further, foreign direct investment and the inflation rate positively correlate with unemployment in Malaysia, Indonesia and Thailand. The overall findings of this study can guide policymakers to consider the unemployment fluctuations faced by ASEAN and establish policies to realise ASEAN Community.

Keywords: gross domestic product, foreign direct investments, inflation rate, unemployment, selected ASEAN countries.

Hubungan Pertumbuhan Ekonomi, Pelaburan Langsung Asing, dan Kadar Inflasi terhadap Pengangguran di Tiga Buah Negara ASEAN Terpilih

Abstrak: Pengangguran merupakan salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh kebanyakan negara membangun, terutamanya di negara ASEAN. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan keluaran dalam negara kasar, pelaburan langsung asing dan kadar inflasi terhadap pengangguran di negara-negara ASEAN yang terpilih. Data panel yang dikumpulkan dari Bank Dunia meliputi tempoh 1980-2017 di negara-negara ASEAN yang terpilih iaitu Malaysia, Indonesia dan Thailand. Data dianalisis dengan menggunakan regresi panel statik. Hasil kajian menunjukkan bahawa Kaedah Model Kesan Rawak (REM) adalah lebih sesuai dan keluaran dalam negara kasar mempunyai hubungan

negatif dengan pengangguran. Selanjutnya, pelaburan langsung asing dan kadar inflasi mempunyai hubungan positif dengan pengangguran untuk Malaysia, Indonesia dan Thailand. Penemuan keseluruhan kajian ini dapat membimbing para penggubal dasar untuk mengambil kira turun naik kadar pengangguran yang dihadapi ASEAN dan mewujudkan dasar untuk merealisasikan Komuniti.

Katakunci: pertumbuhan ekonomi, pelaburan langsung asing, kadar inflasi, pengangguran, negara ASEAN terpilih.




Copyright: © 2022 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. Pengenalan

Pembangunan ekonomi merujuk kepada kegiatan yang dilakukan oleh sesebuah negara untuk memajukan kegiatan ekonominya (Basmar et al., 2021; Purba et al., 2021; Sahban, 2018). Pembangunan terhadap ekonomi ini perlulah menemпуhi pelbagai konflik dan isu yang berbangkit. Isu utama yang berbangkit dalam pembangunan ekonomi bagi sesebuah negara adalah guna tenaga buruh dan jumlah kadar pengangguran. Hal ini sedemikian kerana sesebuah negara biasanya mempunyai pertumbuhan yang mampan serta maju jika kadar pengangguran adalah rendah. Sebaliknya, jika kadar pengangguran bagi sesebuah negara adalah tinggi, maka wujudlah pembaziran terhadap sumber manusia. Masalah yang berlaku terhadap pengangguran ini juga merupakan salah satu daripada masalah ekonomi yang sangat serius dalam pembangunan ekonomi bagi sesebuah negara dan wajar dikurangkan terutamanya dalam pasaran buruh. Pengangguran biasanya hanya berlaku dalam jangka masa pendek kerana kitaran semulajadi tenaga buruh yang berpindah daripada satu pekerjaan kepada pekerjaan yang lain.

Hal ini jelas menunjukkan bahawa kadar pengangguran memberikan kesan yang amat serius terhadap prestasi pertumbuhan ekonomi bagi sesebuah negara. Pengurangan terhadap kadar pengangguran adalah satu situasi yang agak baik dalam ekonomi kerana firma dapat menambahkan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Hal ini merupakan tindakbalas sesebuah firma untuk meningkatkan jualan dan keluaran dalam penghasilan barang dan perkhidmatan. Menurut Putong (2003), pengangguran merujuk kepada penduduk yang tidak mempunyai pekerjaan tetapi sedang mencari pekerjaan. Pengangguran bukan sahaja berlaku kepada negara-negara yang sedang membangun, tetapi juga berlaku kepada negara-negara yang maju. Secara umumnya, pengangguran bermaksud suatu keadaan yang berlaku kepada tenaga buruh yang tidak mempunyai pekerjaan tetapi sedang aktif untuk mencari pekerjaan (Hasan & Sun'an, 2020).

Manakala, Franita et al. (2019) menyatakan bahawa pengangguran bermaksud suatu keadaan seseorang tenaga buruh yang ingin mendapatkan pekerjaan, tetapi belum mendapat pekerjaan tersebut. Pengangguran ini juga mengambil masa yang agak lama untuk mendapatkan pekerjaan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kadar pengangguran memainkan peranan yang penting terhadap prestasi dalam kitaran ekonomi ini. Selepas berlakunya Krisis Kewangan Global, penduduk dunia telah menerima kesan yang negatif akibat daripada kemelesetan ekonomi yang agak teruk, persekitaran ekonomi yang lembap dan pertambahan pekerjaan yang agak rendah. Krisis yang berlaku ini menyebabkan wujudnya masalah ekonomi iaitu masalah pengangguran (Alghofari & Pujiyono, 2010). Tahap pengangguran global dijangka kekal tinggi dalam jangka masa pendek, kadar pengangguran global juga meningkat dengan sederhana pada tahun 2017 kepada 5.8 peratus yang mewakili 3.4 juta lebih orang yang menganggur di seluruh dunia. Peningkatan peratusan ini menyebabkan jumlah pengangguran meningkat lebih daripada 201 juta pada tahun 2017.




Rajah 1. Kadar Pengangguran di Malaysia Indonesia dan Thailand Tahun 1980-2017.

Sumber: Bank Dunia (2017)

Rajah 1 di atas menunjukkan kadar pengangguran di negara ASEAN yang terpilih iaitu Malaysia, Indonesia dan Thailand bermula dari tahun 1980 hingga 2017. Hal ini dapat menggambarkan bahawa pengangguran yang berlaku di ketiga-tiga buah negara tersebut adalah tidak konsisten terutamanya negara Indonesia. Negara Indonesia secara relatifnya menunjukkan jumlah kadar pengangguran yang lebih tinggi berbanding dengan negara lain. Hal ini sedemikian kerana jumlah penduduk yang ditampung dalam negara Indonesia itu sendiri adalah amat tinggi. Indonesia juga merupakan negara keempat yang paling padat penduduknya di dunia. Hal ini dicatat pada bulan Julai tahun 2017 iaitu penduduk Indonesia mencapai hampir 262 juta orang. Thailand pula menunjukkan kadar pengangguran yang sangat rendah berbanding dengan negara-negara lain. Pengurangan terhadap kadar pengangguran di Thailand disebabkan oleh sektor pertanian yang amat maju. Menurut jurucakap bank Thailand, Chirathep Senivongs Na Ayudhya, yang menyatakan bahawa angka pengangguran yang rendah bukan kerana berbeza pendapat dengan negara lain, tetapi kerana masalah struktur ekonomi.


Pengurangan kadar pengangguran ini juga disebabkan oleh sektor pertanian di Thailand yang menjadi 'tulang belakang' ekonominya telah banyak menyerap masuk tenaga buruh. Sektor pertanian di Thailand menyerap tenaga kerja yang paling banyak iaitu sekitar 40 peratus daripada penduduk yang terikat dengan pekerjaan pertanian. Oleh itu, tiada sebab untuk terus menganggur. Malaysia pula menunjukkan kadar pengangguran yang positif kerana perkembangan dalam aktiviti perdagangan global yang semakin maju. Menurut MIDF Research, menyatakan perkara ini akan memberi kesan yang positif kepada pasaran buruh ekoran daripada prestasi ekonomi Malaysia yang lebih baik daripada sebelumnya hasil daripada industri yang berasaskan eksport.



Rajah 2. Keluaran Dalam Negara Kasar di Malaysia Indonesia dan Thailand bermula 1980 hingga 2017.


Sumber: Bank Dunia (2017)

Rajah 2 menunjukkan kadar keluaran dalam negara kasar (KDNK) di negara Malaysia, Indonesia dan Thailand dari tahun 1980 hingga 2017. Hal ini menggambarkan bahawa KDNK bagi ketiga-tiga negara ini menunjukkan lebih konsisten. Keluaran Dalam Negara Kasar bagi ketiga-tiga buah negara ini menunjukkan kadar KDNK yang terendah adalah pada tahun 1988. Negara Malaysia menunjukkan kadar KDNK yang tertinggi berbanding dengan negara-negara lain iaitu pada tahun 1991 hingga 1997. KDNK bagi negara Indonesia pula menunjukkan lebih seimbang dari tahun 2000 hingga 2017. Hal ini amat berbeza dengan negara Malaysia dan Thailand yang tidak seimbang terhadap KDNK pada awal tahun 20-an. Keluaran dalam negara kasar (KDNK) sesebuah negara adalah merujuk kepada satu cara untuk mengukur tahap ekonomi bagi sesebuah negara. KDNK ditakrifkan juga sebagai jumlah nilai keseluruhan barang dan perkhidmatan terakhir yang dikeluarkan dalam sesebuah negara pada masa yang tertentu. Kajian Okun's (1970), telah mendapati wujud hubungan yang negatif antara kadar pengangguran dan keluaran dalam negara kasar (KDNK). Kajiannya telah mendapati bahawa apabila kadar pengangguran menurun sebanyak 1% menyebabkan keluaran dalam negara kasar meningkat sebanyak 2 hingga 3 peratus. Contohnya, negara yang mempunyai KNDK tertinggi di benua Amerika seperti Amerika Syarikat, Jerman di Eropah, Nigeria di Afrika dan China di Asia.



Rajah 3. Kadar Pelaburan Langsung Asing (PLA) di Malaysia, Indonesia dan Thailand tahun 1980 hingga 2017. Sumber: Bank Dunia (2017)

Rajah 3 menunjukkan kadar pelaburan langsung asing (PLA) di ketiga-tiga buah negara menunjukkan keadaan yang tidak konsisten. Hal ini sedemikian kerana, Malaysia mencatatkan nilai pelaburan langsung asing yang tinggi berbanding dengan negara Indonesia dan Thailand dari tahun 1991 hingga 1998. Malaysia juga telah menunjukkan kadar PLA yang tertinggi berbanding dengan negara-negara lain iaitu pada tahun 2009 manakala Indonesia pula mencatatkan nilai PLA yang terendah berbanding negara-negara lain iaitu dari tahun 2003 hingga 2007. Pelaburan langsung asing (PLA) juga memainkan peranan yang penting dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi kepada negara melalui peningkatan pembentukan stok modal domestik. PLA juga dianggap sebagai penyumbang kepada pembangunan ekonomi di sesebuah negara daripada segi pemindahan kemahiran dan teknologi baru, penubuhan industri besar-besaran dan peningkatan dalam pertumbuhan produktiviti. Maka, kebanyakan negara di dunia telah sedaya upaya menarik firma multinational (MNC) untuk melabur di negara mereka dengan melaksanakan suatu dasar ekonomi yang mesra PLA (FDI friendly policy). Hal ini dapat dibuktikan daripada hasil kajian Marian, Dinga dan Daniel Münich (2007) dalam Baharin et al. (2012), dalam kajiannya terhadap satu projek Toyota - Peugeot Citoen Automobile (TPCA) terhadap pasaran tenaga kerja telah mendapati bahawa pelaburan langsung asing mempunyai kesan yang signifikan terhadap pengangguran. Kemasukan pelaburan langsung asing telah mengurangkan jumlah kadar pengangguran sebanyak 1.7 peratus dan meningkatkan jumlah guna tenaga sebanyak 3.7 peratus.



Rajah 4. Kadar Inflasi di Malaysia Indonesia dan Thailand tahun 1980-2017.

Rajah 4 menunjukkan kadar inflasi di negara-negara ASEAN yang terpilih iaitu Malaysia, Indonesia, dan Thailand dari tahun 1980 hingga 2017. Kadar inflasi di Malaysia dan Thailand lebih konsisten dan stabil berbanding dengan negara Indonesia. Negara Indonesia mencatatkan kadar inflasi yang tertinggi berbanding dengan negara-negara lain iaitu dari tahun 1997 hingga tahun 2000. Secara keseluruhannya, negara Indonesia menunjukkan kadar inflasi yang paling tinggi berbanding dengan negara Malaysia dan Thailand. Menurut teori makroekonomi, Keluk Phillips telah membahaskan berkaitan dengan masalah kadar inflasi dan pengangguran. Keluk Phillips tersebut menggambarkan wujudnya hubungan songsang antara kadar inflasi dengan kadar pengangguran. Dengan kata lain, semakin meningkat kadar inflasi, semakin rendah kadar pengangguran. sebaliknya kenaikan tingkat harga secara umum, akan menurunkan pertumbuhan ekonomi (output negara) dan menyebabkan kadar pengangguran turut meningkat.

Hubungan inflasi, pertumbuhan keluaran dalam negara kasar dan pengangguran dapat menentukan permintaan dan penawaran agregat bagi sesuatu barangan dan perkhidmatan dalam negara. Apabila permintaan agregat telah meningkat maka permintaan terhadap tenaga kerja akan turut meningkat dan pendapatan negara juga meningkat dan sebaliknya. Hal ini menunjukkan hubungan yang negatif antara kadar inflasi dengan pengangguran. Semenjak kebelakangan ini, isu pengangguran semakin ditakuti oleh semua pihak, lebih-lebih lagi bagi graduan lepasan universiti. Mereka amat bimbang jika mereka tidak memperolehi sebarang pekerjaan selepas mereka keluar daripada universiti. Pengangguran merujuk kepada salah satu masalah utama yang sering dihadapi oleh sesebuah negara. Jika melihat masalah pengangguran, ia tidak bererti masalah ekonomi semata-mata, ia juga melibatkan masalah sosial dan sebagainya. Oleh itu, pelbagai usaha telah diambil bagi menambahkan peluang latihan kepada pekerja, melalui penggunaan yang lebih meluas terhadap Tabung Pembangunan bagi Sumber Manusia. Dalam masa yang sama, usaha bagi mengeluarkan tenaga buruh yang terlatih untuk jangka masa panjang terus diberikan keutamaan selaras dengan permintaan terhadap ekonomi baru ini.

Walaupun masalah pengangguran di negara Malaysia masih lagi berada dalam keadaan yang terkawal, kerajaan perlu menyediakan pelan strategik bagi mengatasi kemungkinan yang dijangka akan berlaku. Pelan Tindakan Pekerjaan Nasional (NAPE) 2008-2010 yang telah dijalankan bakal menjadi petunjuk dan penanda aras kepada kerajaan bagi memberi tumpuan kepada usaha untuk mengurangkan masalah pengangguran di negara ini. Pelan itu juga bertindak sebagai langkah persediaan yang awal bagi menghadapi kemungkinan peningkatan terhadap kadar pengangguran pada masa akan datang. Selain itu, Pihak berwajib seperti pihak swasta dan individu perlu mengambil berat terhadap isu pengangguran ini. Setiap orang harus memikirkan isu-isu besar seperti ini dan bukan hanya mahu pentingkan diri sendiri sahaja dalam masalah yang berlaku terhadap ekonomi ini.

Di Indonesia, Pengangguran dan kekurangan peluang pekerjaan masih menjadi permasalahan utama pekerjaan. Indonesia mempunyai 64.4 peratus penduduk yang dikategorikan sebagai kumpulan pekerja terdedah (Erkul & Külünk, 2022). Kewujudan kumpulan pekerja terdedah mengakibatkan jurang pengagihan pendapatan di Indonesia. Terdapat dua saiz pengagihan pendapatan, iaitu pendapatan perseorangan dan pendapatan berfungsi. Pengagihan pendapatan perseorangan meliputi pendapatan isirumah yang diukur dari tingkat pendapatan boleh guna isirumah. Kemudian, pendapatan berfungsi digunakan untuk mengukur pendapatan negara yang diterima masing-masing dalam faktor pengeluaran.

Kadar pertumbuhan di Indonesia masih berada dalam keadaan yang lemah semenjak tahun 2015 lagi berpunca daripada rendahnya harga komoditi dan permintaan luar yang masih lagi lemah. Nilai wang semakin rendah iaitu nilainya terhadap dolar Amerika sudah lebih daripada satu per tiga dalam tempoh lima tahun yang terakhir serta kadar inflasi yang melebihi sasaran telah menyukarkan aktiviti ekonomi. Sejalan dengan aliran eksport yang semakin lemah maka transaksi juga turut perlahan sehingga nilai wang rupiah semakin terjejas. Enam daripada lapan hasil eksport yang terbesar di Indonesia yang mencapai hampir 45 peratus daripada eksport barangan iaitu minyak sawit, arang batu, minyak dan tembaga.

Meskipun, kadar inflasi tetap stabil dalam beberapa tahun terakhir, inflasi secara keseluruhan pada sebahagian besar melebihi sasaran bank Indonesia iaitu lima peratus. Hal ini didorong oleh kenaikan harga pasaran dan harga yang dikawal oleh kerajaan (bahan bakar bersubsidi) tetapi inflasi barang-barang yang harganya dikawal oleh kerajaan telah turun secara drastik kerana kerajaan menurunkan harga jualan dengan cara mengurangkan kos pengangkutan dan harga elektrik. Ekonomi Thailand bergantung kepada eksport dengan nilai eksport sekitar 60 peratus. Pemerintahan Thaksin yang menstimulasi permintaan domestik dan mengurangi kebergantungan kepada perdagangan dan pelaburan asing. Eksport yang lemah menghalang pertumbuhan perdagangan pada tahun 2001 sebanyak 1.9 peratus di Thailand. Namun pada tahun 2002 dan 2003, perangsang domestik dan eksport meningkat dengan lebih baik dengan pertumbuhan perdagangan pada 5.3 peratus dan 6.3 peratus.

Masalah-masalah kewangan di wilayah yang telah merebak negara Indonesia pada tahun 1997 dengan cepatnya menjadi satu krisis ekonomi dan masalah politik. Tindak balas Indonesia adalah untuk mengapungkan nilai rupiah, menaikkan kadar faedah, dan mengetatkan dasar belanjawan kewangan. Pada Oktober 1997, negara Indonesia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah bersetuju terhadap sebuah rancangan untuk pembaharuan ekonomi yang ditujukan pada penstabilan terhadap makroekonomi serta penghapusan sebilangan besar dasar-dasar ekonomi yang menjejaskan negara, seperti pelaksanaan Rancangan Kereta Negara dan monopoli bunga cengkik di Indonesia

ini. Hal ini menyebabkan wujudnya masalah terhadap pelaburan langsung asing menjadi terjejas di Indonesia dan pertumbuhan ekonomi turut merosot.

Negara-negara asean harus mengetahui bahawa aliran masuk pelaburan langsung asing mulai merosot semenjak tahun 2007 terutamanya di Malaysia dan Thailand. Fenomena ini berpunca daripada pelbagai faktor dan sebab-sebab tertentu dan yang paling utama adalah peningkatan terhadap kos buruh. Tarikan Malaysia dalam membekalkan kos buruh yang murah telah beransur turun semenjak kebelakangan ini. Singapura turut mengalami kemerosotan terhadap nisbah pelaburan langsung asing dan keluaran dalam negara kasar kepada 9.2 peratus pada 2009 daripada 19.1 peratus pada tahun 2006 walaupun mempunyai keadaan ekonomi yang jauh lebih maju. Thailand juga mengalami masalah yang sama, nisbah pelaburan langsung asing dan GDP merosot kepada 2.3 peratus bagi tempoh yang sama. Negara di rantau ASEAN yang lain seperti negara Vietnam, Indonesia dan Kemboja menawarkan pelbagai faktor yang mampu menarik aliran masuk pelabur asing. Contohnya, upah buruh yang murah, tanah pamah yang luas dan pasaran domestik yang bersaiz besar. Walaubagaimanapun, negara-negara tersebut menyediakan pelbagai insentif untuk pelbagai aktiviti-aktiviti yang berintensifkan buruh.

United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD), dalam laporan tahun 2009 telah menegaskan bahawa pelabur asing biasanya melihat kepada kadar pertumbuhan pasaran sebagai faktor terpenting terhadap pemilihan destinasi pelaburan, diikuti oleh bekalan buruh murah dan kesediaan bekalan mentah dalam pasaran. Laporan UNCTAD juga mendapati bahawa walaupun berlaku kelicinan terhadap sistem pemerintahan, kualiti perundangan, kesaksamaan undang-undang dan rasuah adalah antara ciri-ciri pemilihan tetapi kesemua ini bukanlah yang terpenting bagi para pelabur asing. Hal ini menjelaskan mengapa aliran masuk FDI yang melimpah-ruah ke India, China dan Vietnam, walaupun mereka menduduki tempat yang rendah berbanding Malaysia dalam World Bank's Ease of Doing Business Index (Malaysia menduduki tempat ke-21 daripada 183 negara; Vietnam (78), China (79) dan India ditangga ke-134).

Pengangguran yang berlaku dalam dunia menunjukkan peningkatan terutamanya di negara-negara yang sedang membangun seperti Malaysia, Indonesia dan Thailand. Pengangguran di Indonesia juga menjadi masalah kerana tingkat pengangguran adalah amat tinggi jika dibandingkan dengan negara serantaunya yang lebih rendah. Berdasarkan latar belakang di atas, dirumuskan permasalahan apakah ada pengaruh terhadap pertumbuhan ekonomi, pelaburan langsung asing, dan kadar inflasi terhadap perubahan kadar pengangguran di antara 3 buah negara ASEAN tersebut. Bagi mengetahui tujuan menjalankan kajian pengangguran di tiga buah negara ASEAN yang terpilih ini, objektif umum ialah mengkaji hubungan pertumbuhan ekonomi, pelaburan langsung asing, kadar inflasi dengan pengangguran di tiga buah negara ASEAN yang terpilih.

Secara ringkasnya, kajian ini dilakukan untuk menganalisis hubungan antara kadar pengangguran terhadap pertumbuhan ekonomi, pelaburan langsung asing, dan kadar inflasi bagi negara-negara ASEAN terpilih iaitu Malaysia, Indonesia, dan Thailand. Kajian ini lebih menumpukan kepada menganalisis pengangguran di negara-negara ASEAN yang terpilih iaitu Malaysia, Indonesia, dan Thailand. Bagi negara-negara yang membangun seperti Malaysia, kerajaan perlu memainkan peranan yang amat serius terhadap pengangguran seperti melakukan projek pembangunan yang pesat dan memberi manfaat kepada rakyat. Seterusnya, objektif kajian ini adalah mengkaji hubungan antara kadar pengangguran, pertumbuhan ekonomi, pelaburan langsung asing dan kadar inflasi di kalangan negara-negara ASEAN terpilih.

2. Sorotan Literatur Kajian

Bahagian ini akan membincangkan perkara yang berkaitan dengan kajian-kajian lepas yang mana kajian telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji dari pelbagai negara sebelum ini. Dalam bab ini, pengkaji akan menyetengahkan beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan pengangguran dan mengenalpasti kaedah yang telah digunakan oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu.

2.1. Konsep dan Landasan Teori

Jabatan Perangkaan Malaysia dalam Perangkaan Tenaga Buruh, Malaysia Jun 2013, mendefinisikan pengangguran dapat diklasifikasikan kepada dua kumpulan yang berbeza iaitu pengangguran aktif dan pengangguran tidak aktif. Pengangguran aktif ini dapat dikategorikan sebagai orang yang tidak bekerja semasa hari minggu tetapi bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan dalam minggu tersebut. Manakala pengangguran tidak aktif pula didefinisikan sebagai (i) Mereka yang tidak mencari pekerjaan dalam jangka masa pendek kerana percaya tidak ada pekerjaan ataupun tidak berkelayakan, (ii) Mereka yang mungkin mencari pekerjaan jika tidak kerana sakit atau cuaca buruk. Manakala menurut Das & Nanga (2022) pula, beliau memberikan definisi pengangguran sebagai seseorang yang tergolong dalam kategori tenaga buruh tidak memiliki pekerjaan dan secara aktif tidak mencari pekerjaan. Bagi Purba et al. (2021) pula, mendefinisikan pengangguran adalah jumlah tenaga kerja dalam ekonomi secara aktif mencari pekerjaan tetapi belum mendapat pekerjaan tersebut.

Manakala International Labor Organization (ILO) memberikan pengertian pengangguran adalah seseorang yang termasuk dalam kelompok penduduk yang usia kerja selama tempoh tertentu, dan bersedia menerima pekerjaan, serta sedang mencari pekerjaan. Menurut Edwards (1974) menyatakan Pengangguran dapat dibagikan kedalam 4 bentuk iaitu (i) Pengangguran terbuka : mereka yang tidak mahu bekerja kerana mengharapkan pekerjaan yang lebih baik walaupun secara terpaksa., (ii) Setengah menganggur (under employment): mereka yang bekerja lamanya kurang daripada masa yang mereka biasa bekerja. (iii) Tenaga kerja yang lemah (impaired): mereka yang mungkin bekerja sepenuh masa, tetapi kesihatannya lemah kerana mendapat penyakit. Dan (iv) Tenaga kerja yang tidak produktif : mereka yang mampu untuk bekerja secara produktif tetapi kerana sumber daya yang lemah maka mereka tidak boleh menghasilkan sesuatu dengan lebih baik.

Kajian Okun's (1970) dalam Kreishan (2011), telah mendapati bahawa wujud hubungan yang songsang antara pengangguran dan keluaran negara kasar (KNK). Dalam kajiannya mendapati bahawa penurunan 1% dalam pengangguran akan meningkatkan (KNK) potensi sebanyak 2% hingga 3%. Susulan daripada itu banyak kajian-kajian yang sama turut dilakukan bagi membuktikan kebenaran peraturan Okun's. Kajian yang dilakukan oleh Noor et al. (2007) yang telah menguji peraturan Okun's law dengan menggunakan data tahunan siri masa dari tahun 1970 hingga tahun 2004 mendapati bahawa terdapat hubungan yang negatif antara kadar pengangguran dengan KDNK benar.

Walau bagaimanapun pekali bagi kadar pengangguran lebih kecil daripada yang diperolehi oleh Okun iaitu penurunan 1 peratus pengangguran akan membawa peningkatan sebanyak 1.75 peratus dalam KDNK potensi. Hasil kajian juga menunjukkan wujudnya penyebab dua arah bagi pembolehubah pengangguran dan KDNK. Penurunan pengangguran akan mengembangkan ekonomi dan dalam masa yang sama berlakunya peningkatan terhadap peningkatan aktiviti ekonomi serta akan mengurangkan pengangguran.

Kajian empirikal yang dijalankan oleh Farsio & Quade (2003) turut menyokong peraturan Okun's. Dengan menggunakan data suku tahun siri masa negara Amerika Syarikat(US) dari tahun 1977 hingga 2001 mendapati pengangguran penyebab (granger) kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan hubungan negatif antara KDNK dan pengangguran adalah stabil bagi tempoh masa yang dikaji dengan menggunakan ujian kestabilan Chow test. Manakala kajian Tingi & Lingii (2011) juga turut menegaskan bahawa kewujudan peraturan Okun. Hasil daripada kajian yang dijalankan telah menggunakan kaedah Autogressive Distributed Lag (ARDL) yang menunjukkan hubungan negatif tetapi stabil bagi kadar pengangguran dengan pertumbuhan pengeluaran dalam tempoh jangka masa panjang.

Kajian oleh Loganathan & Thirunaukarasu (2008), menganalisis hubungan dinamik antara FDI, pengangguran, pertumbuhan ekonomi dan eksport. Dengan menggunakan teknik VAR, hasil kajian mendapati pertumbuhan ekonomi dan eksport sebagai penentu utama terhadap pengangguran di Malaysia. Justeru adalah penting untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan menguatkan sektor berorientasikan eksport untuk memastikan pengangguran yang rendah. Adhikary (2017) telah mengkaji hubungan antara pertumbuhan ekonomi, pelaburan langsung asing, keterbukaan perdagangan dan pembentukan modal di negara- negara Amerika Syarikat dan Hongkong. Dengan menggunakan data panel, mendapati wujud hubungan positif yang signifikan antara pertumbuhan ekonomi, pelaburan langsung asing (FDI), Keterbukaan perdagangan dan pembentukan modal.

Kajian oleh Rafiq M, Iftikhar Ahmad, Asmat Ullah dan Zahoor Khan (2009) dalam Baharin et al. (2012) menggunakan regresi linear sederhana satu persamaan (SELRM) mendapati FDI mempunyai kesan yang negatif terhadap pengangguran di Pakistan. Walaubagaimanapun wujud hasil kajian yang berbeza dalam melihat hubungan antara FDI dan pengangguran. Antaranya ialah kajian yang dijalankan di Turki oleh Aktar dan Ozturk (2009). Teknik VAR diaplikasikan terhadap variance decomposition dan impulse response function bagi melihat pelbagai bentuk hubungan dalaman antara FDI, eksport, pengangguran dan GDP dalam tempoh 2000 hingga 2007. Hasil kajian mendapati FDI dan GDP tidak menyumbang kepada pengurangan kadar pengangguran di Turki.

Ahli ekonomi yang terkemudian seperti Samuelson & Solow (1960) merujuk hubungan ini sebagai hubungan antara inflasi dengan pengangguran. Keluk Philips tradisional menyarankan bahawa wujud hubungan negatif yang stabil antara inflasi dengan pengangguran. Samuelson & Solow (1960), telah menggunakan data Amerika Syarikat bagi tahun 1935-1959 juga mendapat keputusan yang sama iaitu hubungan yang negatif. Samuelson dan Solow menganggarkan bahawa untuk menjamin kadar inflasi yang rendah, kadar pengangguran seharusnya dibiarkan meningkat antara 5-6%.


Friedman (1995) mempersoalkan hubungan keluk Philips apabila data inflasi dan pengangguran bagi Amerika Syarikat selepas tahun 1970 tidak menunjukkan hubungan yang jelas. Kajian Friedman (1995) dan Phelps (1967) menyatakan bahawa hubungan negatif yang stabil antara pengangguran dengan kadar inflasi hanya wujud dalam jangka masa pendek apabila inflasi dijangka tidak berubah. Manakala keluk Philips dalam jangka masa panjang berlaku apabila inflasi dijangka berubah dan sama dengan kadar inflasi sebenar. Friedman mengesyorkan hubungan yang positif boleh wujud dimana kadar inflasi dan kadar pengangguran sama-sama meningkat. Keadaan ini dikenali sebagai stagflasi. Keluk Philips jangka panjang juga boleh berbentuk menegak apabila tidak wujud tukar ganti antara inflasi dengan pengangguran. Hasil kajian-kajian lepas mendapati hubungan antara kadar pengangguran dan kadar inflasi boleh menjadi negatif atau positif.

Kajian Schreiber & Soldatenkova (2016), yang menggunakan kaedah analisis kointegrasi VAR mendapati terdapat hubungan jangka masa panjang yang negatif antara inflasi dan kadar pengangguran di negara Jerman. Karanassou & Snower (2002) turut menyokong hasil kajian yang sama bagi negara Spain. Kesimpulan yang dibuat dalam kajian beliau ialah peningkatan dalam pertumbuhan wang meningkatkan kadar inflasi dan mengurangkan kadar pengangguran. Osman & Yussof (2005) mengkaji faktor yang mempengaruhi kadar pengangguran di Malaysia. Kajian ini memfokuskan empat pembolehubah makroekonomi yang mempengaruhi kadar pengangguran iaitu KDNK, FDI, keterbukaan ekonomi dan kadar inflasi. Pengujian empirikal telah dijalankan dengan menggunakan kaedah ekonometrik siri masa iaitu Autoregressive Distributed lag (ARDL) yang dicadangkan oleh Pesaran & Shin (1996) untuk melihat hubungan faktor penentu dengan kadar pengangguran. Keputusan mendapati kadar pengangguran di Malaysia adalah dipengaruhi oleh keterbukaan ekonomi dan KDNK dalam jangka panjang dan jangka pendek. Sebaliknya pembolehubah kadar pertumbuhan pelaburan langsung asing mempengaruhi kadar pengangguran dalam jangka masa pendek sahaja. Kadar inflasi tidak signifikan kedua-dua tempoh jangka masa.

Hubungan antara kadar inflasi dengan pengangguran dapat dijelaskan melalui beberapa aspek yang berkaitan. Pada tahun 1958, ekonom Phillips telah menerbitkan sebuah artikel yang bertajuk "The Relationship between Unemployment and the Rate of Change of Money Wages in United Kingdom, (1861-1957)". Pada artikel tersebut Phillips memperlihatkan wujudnya hubungan korelasi negatif antara tingkat pengangguran dan kadar inflasi (tingkat perubahan upah). Pengujian empirikal dibuat dengan menggunakan kaedah ekonometrik siri masa iaitu "Autoregressive Distributed lag" (ARDL) yang dicadangkan oleh Pesaran et al. (1996). Keputusannya, Phillips menunjukkan bahawa tingkat pengangguran yang rendah cenderung diikuti oleh kadar inflasi yang tinggi, dan tingkat pengangguran tinggi cenderung disertai dengan inflasi yang rendah. Phillips (1958) dalam Mankiw (2000) menggambarkan bagaimana sebarang hubungan antara inflasi dengan tingkat pengangguran didasarkan pada andaian bahawa inflasi merupakan gambaran dari adanya kenaikan permintaan agregat. Dengan naiknya permintaan agregat, maka sesuai dengan teori permintaan iaitu jika permintaan meningkat maka harga akan turut meningkat. Dengan tingginya harga (inflasi) maka untuk memenuhi permintaan tersebut pengeluar akan meningkatkan jumlah pengeluarannya dengan menambahkan tenaga kerja (tenaga kerja merupakan satu-satunya input yang dapat meningkatkan output). Kesan dari peningkatan permintaan tenaga kerja maka dengan naiknya tingkat harga umum (inflasi) maka pengangguran akan turut berkurang.

Hussin dan Saidin (2012) dalam Haidar & Firmansyah (2021) telah menggunakan analisis data panel untuk menilai kesan yang berlaku terhadap KDNK dengan keterbukaan, pelaburan langsung asing, dan pembedaan modal tetap kasar di negara-negara ASEAN. Model terkumpul, model kesan tetap dan model kesan rawak dianggarkan sepanjang tempoh dari tahun 1981 hingga 2008. Semua pembolehubah makroekonomi berkorelasi positif dengan KDNK. Hasil model data panel menunjukkan bahawa hanya untuk empat negara ASEAN iaitu Thailand, Filipina, Malaysia dan Indonesia. Pelaburan tidak dikaitkan terhadap KDNK. León-Ledesma & Piracha (2004) telah menganalisis kesan bekalan wang terhadap prestasi pekerjaan bagi negara-negara eropah timur dan eropah tengah dari tahun 1990 hingga 1999. Kaedah panel data digunakan bagi mengetahui perbezaan upah pekerja di negara-negara eropah timur dan eropah tengah. Perbezaan upah telah wujud dengan ketara dalam kedua-dua rantau ini. Oleh itu, pengangguran jatuh dan sosial sistem insuran kembali pulih. Hal ini menyebabkan pelabur dating bagi membangunkan ekonomi negara melalui pelaburannya. Hasilnya, wujud kesan positif terhadap produk kebanggaan dan pekerjaan. Bekalan wang ini mampu menyumbang kepada peningkatan pelaburan di negara penerima.

2.2. Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 5. Kerangka Konseptual Kajian

2.3. Hipotesis Kajian

Cadangan Hipotesis kajian adalah sepertimana berikut:

- H1: Terdapat pengaruh yang negatif dan signifikan pertumbuhan ekonomi terhadap pengangguran di tiga buah negara ASEAN yang terpilih.
- H2: Terdapat pengaruh yang negatif dan signifikan pelaburan langsung asing terhadap pengangguran di tiga buah negara ASEAN yang terpilih.
- H3: Terdapat pengaruh yang negatif dan signifikan kadar inflasi terhadap pengangguran di tiga buah negara ASEAN yang terpilih.

3. Kaedah Kajian

Bagi mencapai objektif kajian, spesifik model kajian yang digunakan amat penting dan bermanfaat dalam mencapai segala objektif kajian. Setiap kajian yang dijalankan mempunyai method yang berbeza. Kaedah yang digunakan untuk mengkaji hubungan dalam kajian ini ialah kaedah analisis deskriptif dan Panel data yang dicadangkan oleh Pesaran & Shin (1996). Data yang digunakan dalam kajian ini telah diperolehi daripada data sekunder yang dikeluarkan oleh World Bank. Data siri masa yang dikumpulkan adalah meliputi tempoh 1980 hingga 2017 iaitu selama tempoh 38 tahun. Model kajian pula dibentuk berdasarkan kajian-kajian yang lepas untuk mengkaji hubungan antara kadar pengangguran dengan pembolehubah-pembolehubah lain. Pengangguran merupakan pembolehubah bersandar manakala faktor-faktor lain yang menentukan pengangguran sebagai pembolehubah-pembolehubah tidak bersandar.

3.1. Sumber Data

Berdasarkan kajian yang dijalankan, data sekunder akan digunakan. Data ini biasanya diperolehi daripada sumber internet dan kajian-kajian lepas. Menurut Marican (2005), data sekunder merujuk kepada data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji-pengkaji lain dan digunakan sebagai rujukan bagi kajian baru. Pembolehubah bersandar dalam kajian ini diwakili oleh kadar pengangguran. Manakala pembolehubah tidak bersandar pula ialah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), pelaburan langsung asing, dan kadar inflasi. Data ini juga meliputi data pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas dari tahun 1980 hingga 2017. Kajian ini juga melibatkan negara Malaysia, Thailand dan Indonesia. Data-data ini diambil daripada sumber internet iaitu melalui laman sesawang Data World Bank, dan The Global Economy. Data panel merupakan gabungan diantara dua jenis data iaitu data siri masa dan data keratan rentas. Data panel mewujudkan lebih banyak penggunaan pembolehubah dan mempunyai kurang kesamaan (kolineariti) di antara pembolehubah dan mempunyai lebih banyak kebebasan. Penggunaan data panel juga mempunyai kebarangkalian yang tinggi dalam mewujudkan anggaran yang lebih efisien malah ia juga sesuai digunakan untuk mengkaji isu yang kompleks dan dinamik terhadap kajian ini (Bhaumik, 2015).

3.2. Definisi dan Pengukuran Pembolehubah

Kajian ini dapat dibahagikan kepada dua pembolehubah iaitu pembolehubah bersandar yang diwakili oleh kadar pengangguran. Manakala pembolehubah tidak bersandar pula adalah diwakili oleh pertumbuhan ekonomi ataupun Keluaran Dalam Negara Kasar Benar, pelaburan langsung asing, dan kadar inflasi.

3.2.1. Pengangguran

Pengangguran merujuk kepada mereka yang tidak bekerja walaupun berusia dalam lingkungan orang yang bekerja tetapi mereka bersedia untuk bekerja mengikut kadar gaji semasa. Kadar pengangguran diukur melalui peratus guna tenaga yang sedang mencari pekerjaan (Bilangan orang yang menganggur/jumlah tenaga buruh X 100%). Bilangan pekerjaan yang ditawarkan pula menunjukkan kaitan secara langsung dengan tingkat keluaran dan perbelanjaan. Penurunan kadar pengangguran merupakan petanda yang baik dalam ekonomi kerana firma menambahkan peluang pekerjaan sebagai tindakbalas terhadap peningkatan jualan dan keluaran. . Data yang digunakan adalah dalam bentuk peratusan. Berdasarkan kajian Osman & Yussof (2005), pengkaji menggunakan kadar pengangguran di dalam kajian. Pengkaji menggunakan kadar pengangguran untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pengangguran di Malaysia.

3.2.2. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah jumlah nilai kasar oleh semua pengeluar dalam ekonomi ditambah dengan cukai dan ditolak dengan subsidi. KDNK dikira tanpa membuat sebarang potongan untuk susut nilai aset. Data yang digunakan adalah dalam bentuk peratusan. Berdasarkan kajian Were (2001), pengkaji menggunakan KDNK didalam kajian mereka. Pengkaji menggunakan KDNK untuk mengkaji kesan hutang luar negara kepada pertumbuhan ekonomi. Seterusnya, Calvo (2009) menggunakan KDNK per kapita dalam kajian.

3.2.3. Pelaburan Langsung Asing (FDI)

Pelaburan langsung asing atau diringkaskan sebagai FDI, telah berfungsi sebagai satu bentuk pemindahan modal antarabangsa yang utama di kalangan negara maju dan membangun (Froot, 1993). Menurut Salleh et al. (2012), pelaburan merujuk kepada suntikan aliran pendapatan negara. Oleh itu, perubahan dalam tingkat pelaburan akan menyebabkan keadaan ekonomi yang meningkat dan menurun. Data yang digunakan adalah dalam bentuk dollar AS (USD). Kajian Rasidi (2011) menggunakan FDI untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pelaburan langsung asing di Malaysia dari tahun 1980-2013. Yusof (2011) juga menjalankan kajian berkaitan dengan FDI. Kajiannya, adalah berkaitan dengan Pelaburan Langsung Asing dan Pembangunan Industri Barangan Elektrik dan Elektronik di Negeri Pulau Pinang, 1970–2007.

3.2.4. Kadar Inflasi

Kadar Inflasi diukur menggunakan indeks harga pengguna (IHP) yang menunjukkan perubahan peratusan tahunan dalam kos purata pengguna memperoleh barangan dan perkhidmatan dalam jangka masa tertentu. Kajian yang dilakukan oleh Ramzan & Ahmad (2014) yang menggunakan inflasi sebagai pembolehubah dalam kajian yang berkaitan tujuan atau tugas polisi makroekonomi. Ramli et al. (2016) juga menjalankan kajian yang berkaitan dengan kadar inflasi iaitu “kesan kenaikan harga minyak terhadap kadar inflasi”.

3.3. Spesifikasi Model Kajian

Model kajian yang dapat ditunjukkan adalah hubungan antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar. Kajian yang dijalankan ini merujuk kepada Model Regresi Data Panel. Kajian ini menggunakan model data panel statik kerana ia melibatkan model pekali malar (*Constant Coefficients Model*) atau dikenali sebagai Pooled OLS, Model Kesan Tetap (*Fixed-Effects Model*), dan Model Kesan Rawak (*Random Effects Model*). Ketiga-tiga kaedah ini diuji untuk melihat kaedah yang mana lebih bersesuaian yang boleh digunakan dalam kajian. Pengujian diantara Model Kesan Rawak (REM) dengan Model Kesan Tetap (FEM) adalah melalui ujian Hausman manakala pengujian diantara Model Pekali Malar (CCM) dengan Model Kesan Tetap (FEM) adalah “*Lagrange Multiplier*”. Pengujian diantara Model Kesan Rawak (REM) dengan Model Pekali Malar (CCM) dapat dijalankan melalui ujian Chow. Model kajian ini adalah menggunakan model regresi berganda kerana melibatkan banyak pembolehubah. Bagi kajian ini, pembolehubah bebas ialah KDNK, pelaburan langsung asing dan kadar inflasi manakala pembolehubah bersandar ialah kadar pengangguran. Penggunaan kaedah ini berdasarkan kepada objektif kajian. Objektif kajian ialah untuk melihat hubungan pengangguran dan pembolehubah lain di Malaysia, Indonesia dan Thailand. Maka dengan itu, fungsi tersebut boleh ditulis dalam bentuk fungsi asas dan model fungsi persamaan linear yang ditulis seperti berikut:

$$U = f(\text{KDNK}, \text{FDI}, \text{INFLASI})$$

Manakala persamaan linear kajian adalah bersamaan dengan:

$$Un_{it} = \alpha_{it} + \beta_1 \text{KDNK}_{it} + \beta_2 \text{FDI}_{it} + \beta_3 \text{INF}_{it} + \epsilon_{it}, \quad (1)$$

Dimana,

Un	= Kadar Pengangguran
KDNK	= Keluaran Dalam Negara Kasar
FDI	= Pelaburan Langsung Asing
INF	= Kadar Inflasi
α	= Pintasan
$\beta_1\text{-}\beta_3$	= Regresi
ϵ	= Terma ralat
t	= siri masa

Panel data bermaksud data yang ada kedua-duanya termasuklah dalam keratan rentas dan siri masa. Panel data merujuk kepada kumpulan data melibatkan tingkah laku entiti yang diperhatikan sepanjang masa. Entiti-entiti ini boleh dikaitkan dengan negeri, syarikat, individu, negara, dan sebagainya. Data panel yang digunakan ini membolehkan pengkaji mengawal pembolehubah yang tidak boleh pengkaji lakukan atau ukur seperti pembolehubah yang berubah dari semasa ke semasa. Pendekatan kuantitatif digunakan dalam kajian ini dengan menggunakan data sekunder. Data sekunder ini dikumpulkan dari Bank Dunia. Untuk analisis empirikal, kajian ini menggunakan data panel antara tiga negara di ASEAN, iaitu Indonesia, Malaysia, dan Thailand dari tahun 1980 hingga 2017 dengan menggunakan Eviews. Kajian ini memberi tumpuan kepada hubungan kadar pengangguran dengan pertumbuhan ekonomi, pelaburan langsung asing, dan kadar inflasi.

Untuk mengukur kedua-dua pembolehubah, pengkaji menggunakan beberapa kaedah dan teori yang boleh dipercayai. Pengangguran dicerminkan oleh pertumbuhan ekonomi, pelaburan langsung asing dan kadar inflasi.

Pertumbuhan ekonomi diukur oleh Keluaran Dalam Negara Kasar per kapita (KDNK) tahunan. Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah regresi data panel untuk menganalisis data. Ini adalah kaedah statistik yang digunakan secara meluas untuk menganalisis data panel dua dimensi (Maddala, 2001). Data ini biasanya dikumpulkan dari masa ke semasa. Regresi data panel adalah sesuai digunakan untuk menjalankan dua dimensi ini (Davies & Lahiri, 1995). Berdasarkan panel data dalam persamaan (1) diatas menggambarkan model yang memberi kesan terhadap pemboleh ubah. 'x' merujuk kepada seluruh unit keratan rentas. $i = 1, 2, 3, \dots, N$ dan dari masa ke semasa, $t = 1, 2, 3, \dots, T$. Melalui analisis panel data ini, model ini dapat dianggarkan melalui 3 kaedah regrasi panel data iaitu Pooled Ordinary Least Square (POLS), dan Random Effect (RE). Daripada persamaan umum, pengkaji menggunakan pemboleh ubah tertentu untuk mewakili model ekonomi terhadap regresi data panel. Model ekonomi untuk kaedah Pooled Least Square boleh ditulis seperti di bawah:

$$UN_{it} = \beta_0 + \beta_1 KDNK_{it} + \beta_2 FDI_{it} + \beta_3 INF_{it} + U_{it}, \quad (2)$$

Persamaan 2 diatas menunjukkan kesan pemboleh ubah bebas yang diperhatikan iaitu KDNK, PLA, dan INF adalah sama di setiap unit keratan rentas iaitu, $i = 1, \dots, N$ dan dari masa ke masa, $t = 1, \dots, T$. Selanjutnya, pemboleh ubah bersandar kepada kita yang dilambangkan sebagai UN, regresi koefisien adalah β_i , $i = 1, \dots, x$ dan terma ralat adalah U_{it} .

$$UN_{it} = \beta_0 + \beta_1 KDNK_{it} + \beta_2 PLA_{it} + \beta_3 INF_{it} + \alpha_i + U_{it} + \delta_{it}, \quad (3)$$

Persamaan 3 diatas menunjukkan Random Effect Method (REM). Persamaan ini diandaikan bahawa kesan khusus individu dilabelkan sebagai α , dan terma ralat sebagai U_{it} serta δ_{it} adalah kesilapan entity (entity error). KDNK, PLA, dan INF adalah sama di setiap unit keratan rentas iaitu, $i = 1, \dots, N$ dan dari masa ke masa, $t = 1, \dots, T$. Selanjutnya, pemboleh ubah bersandar kepada kita yang dilambangkan sebagai UN, regresi koefisien adalah β_i , $i = 1, \dots, x$.

Kaedah Random Effect Method (REM) merupakan kaedah yang kurang seimbang dalam proses penganggaran kerana korelasi antara pemboleh ubah bersandar yang tidak dapat dikenalpasti (Cheng dan Wall, 2005). Manakala kaedah Fixed Effect Method (FEM) memperkenalkan kesan penganggaran yang berbeza terhadap pintasan bagi setiap negara anggota dan menganggarkan korelasi yang konsisten terhadap pemboleh ubah bebas dan bersandar. REM dianggap sebagai siri masa yang merentasi keratan data dan menyediakan anggaran yang lebih cekap terutamanya apabila ada sedikit variasi siri masa. Walau bagaimanapun, anggaran tidak seimbang dan tidak konsisten berlaku apabila kesan spesifik berkorelasi kepada beberapa pemboleh ubah bebas. Oleh itu, pengkaji perlu untuk menguji kehadiran kecenderungan ini dengan menggunakan ujian Hausman, yang mempunyai pengagihan χ^2 di bawah hipotesis nol dan pemboleh ubah bebas. Sekiranya statistik ujian yang dikira menolak hipotesis nol, ini menunjukkan bahawa kaedah ini lebih berkesan.

Seterusnya, bagi menentukan model terbaik, kajian ini menjalankan ujian Hausman dan Chow. Ujian Hausman adalah untuk mengenalpasti sama ada model data panel yang digunakan adalah FEM atau REM. Jika nilai p adalah lebih kecil daripada α , ini bermakna H_0 di tolak dan H_a akan diterima dan ini menunjukkan bahawa FEM adalah lebih baik dan sebaliknya. Manakala, penggunaan ujian chow adalah untuk mengenalpasti sama ada model data panel yang digunakan adalah CCM atau FEM. Jika nilai p adalah lebih kecil daripada α , ini bermakna H_0 di tolak dan H_a akan diterima dan ini menunjukkan bahawa FEM adalah lebih baik dan sebaliknya. Kajian ini juga turut menjalankan ujian diagnostik iaitu ujian autokorelasi, heteroskedastisiti dan multikolineariti kajian.

4. Hasil Kajian

Dalam kajian ini, data yang digunakan adalah data siri masa dari tahun 1980 hingga 2017. Data ini diperoleh melalui 'World Bank'. Pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini ialah kadar pengangguran, keluaran dalam negara kasar (KDNK), Pelaburan Langsung Asing (FDI), dan kadar inflasi. Bahagian ini juga membincangkan tentang analisis dan hasil kajian yang dijalankan dengan lebih terperinci bagi melihat keputusan yang akan diperoleh daripada kajian. Bahagian ini mengulas setiap hubungan atau pengaruh yang wujud diantara pemboleh ubah bersandar iaitu kadar pengangguran dengan pemboleh ubah bebas iaitu pelaburan langsung asing, keluaran dalam negara kasar dan kadar inflasi, kerana pemboleh ubah ini akan menentukan pemboleh ubah manakah yang akan menunjukkan hubungan yang kuat dalam mempengaruhi kadar pengangguran. Hasil daripada kajian ini akan menunjukkan indikator manakah yang menjadi punca utama dalam mempengaruhi kadar pengangguran dalam kalangan negara ASEAN. Tiga buah negara yang dipilih adalah melibatkan Malaysia, Indonesia dan Thailand. Tempoh kajian adalah bermula daripada tahun 1980 hingga 2017. Terdapat pelbagai ujian dijalankan oleh pengkaji supaya dapat menganalisis kajian ini dengan lebih mendalam dan terperinci. Ujian-ujian yang dijalankan adalah analisis diskriptif, panel data, dan ujian diagnostik dan seumpamanya.

4.1. Analisis Diskriptif

Analisis ini dilakukan berdasarkan keputusan ujian deskriptif bagi mengetahui nilai purata, sisihan piawai, nilai minimum dan nilai maksimum bagi pemboleh ubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar. Pemboleh ubah bersandar ialah kadar pengangguran manakala pemboleh ubah tak bersandar pula adalah keluaran dalam negara kasar (KDNK), pelaburan langsung asing, dan kadar inflasi.

Jadual 1. Analisis Diskriptif.

Ujian	Y_UN	KDNK	FDI	KADAR_INFLASI
Min	3.400088	5.637807	2.394035	5.533158
Median	3.130000	5.765000	2.255000	4.190000
Maksimum	8.290000	13.29000	8.760000	58.39000
Minimum	0.490000	-7.630000	-2.760000	-0.900000
Sisihan Piawai	1.905431	3.277878	1.955794	6.349321
Skewness	0.678746	-1.161358	0.527632	5.399004
Kurtosis	2.918419	6.693384	3.743817	43.66760
Jarque-Bera	8.784847	90.42143	7.917519	8409.639
Probability	0.012371	0.000000	0.019087	0.000000
Sum Sq. Dev.	410.2655	1214.126	432.2397	4555.467
Pemerhatian	114	114	114	114

Jadual 1 diatas menunjukkan analisis diskriptif yang telah dikaji oleh pengkaji terhadap 3 buah negara ASEAN yang terpilih iaitu Malaysia, Indonesia dan Thailand. Dari segi kadar pengangguran menunjukkan bahawa nilai sisihan piawai tidak begi besar kerana hanya 1.91% sahaja manakala Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menunjukkan nilai sebanyak 3.28% dan Pelaburan Langsung Asing pula menunjukkan nilai sebanyak 1.96% serta kadar inflasi juga menunjukkan nilai yang agak besar iaitu 6.35%. Dari segi skewness dan Kurtosis pula menunjukkan bahawa pengangguran bertaburan normal kerana nilai kurtosis sebanyak 2.92 iaitu kurang daripada 3. KDNK, FDI, dan Kadar Inflasi tidak bertaburan normal kerana nilai kurtosisnya lebih daripada 3. Dari segi Jarque-Bera pula menjelaskan bahawa nilai kebarangkaliannya kurang daripada alpha 0.05 terhadap kadar pengangguran, KDNK, Pelaburan Langsung Asing dan Kadar inflasi.

4.2. Ujian Panel Data

Ujian panel data ini dijalankan bagi mengkaji kaedah mana yang paling terbaik sama ada Pooled OLS (POLS), Fixed Effect Model (FEM) dan Random Effect Model (REM).

Jadual 2. Keputusan Analisis Data Panel : Sample Keseluruhan.

Variable	POLS		FEM		REM	
	Koef.	Sig.	Koef.	Sig.	Koef.	Sig.
C	3.414	0.000	3.825	0.000	3.818	0.000
KDNK	0.011	0.846	0.002	0.949	-0.002	0.951
FDI	-0.111	0.262	0.156	0.109	-0.155	0.012
KADAR_INFLASI	-0.034	0.268	-0.806	0.807	-0.005	0.823
R-Square	0.034		0.024		0.383	
Adj. R-Square	0.080		0.010		0.355	
F-Stat	1.325		0.931		13.434	
Prob.	0.270		0.420		0.000	
DW	0.179		0.250		2.540	

Jadual 2 diatas menunjukkan keputusan analisis data panel bagi mengkaji kaedah mana yang paling terbaik sama ada Pooled OLS, Fixed Effect Model (FEM) dan Random Effect Model (REM). Melalui ujian regresi Pooled OLS menunjukkan nilai p-value yang tidak signifikan bagi ketiga-tiga pembolehubah. Dari segi KDNK menunjukkan berhubung secara positif dengan kadar pengangguran. Hal ini dapat menunjukkan bahawa apabila pengangguran meningkat sebanyak 1 peratus menyebabkan keluaran dalam negara kasar (KDNK) turut meningkat sebanyak 0.011 peratus. Pelaburan langsung asing pula menunjukkan bahawa apabila pengangguran meningkat 1 peratus menyebabkan pelaburan langsung asing(FDI) berkurang sebanyak 0.111 peratus. Kadar inflasi pula menunjukkan

bahawa apabila pengangguran meningkat 1 peratus menyebabkan kadar inflasi turut meningkat sebanyak 0.034 peratus.

Nilai R^2 pula menunjukkan sebanyak 0.0348. Hal ini bermakna hanya terdapat 3 peratus sahaja variasi pengangguran dapat diterangkan oleh KDNK, FDI, dan kadar inflasi. Dari segi 'durbin watson' pula adalah sebanyak 0.18 iaitu kurang daripada 2 peratus. Hal ini menunjukkan wujudnya masalah autokorelasi. Dari segi Fixed Effect Model (FEM) pula menunjukkan bahawa pelaburan langsung asing signifikan iaitu pada aras keertian 10%, manakala pembolehubah lain adalah tidak signifikan. Kesemua pembolehubah menunjukkan hubungan yang negative terhadap pengangguran. Hal ini dapat dibuktikan bahawa apabila pengangguran meningkat sebanyak 1 peratus menyebabkan KDNK berkurang sebanyak 0.003 peratus dan pelaburan langsung asing juga turut berkurang sebanyak 0.156 peratus. Kadar inflasi turut menunjukkan nilai yang berhubung secara songsang terhadap pengangguran kerana apabila pengangguran meningkat sebanyak 1 peratus, kadar inflasi berkurang sebanyak 0.0065 peratus.

Nilai R^2 pula menunjukkan sebanyak 0.38. Hal ini bermakna hanya terdapat 38 peratus variasi pengangguran dapat diterangkan oleh KDNK, FDI, dan kadar inflasi. Dari segi 'durbin watson' pula adalah sebanyak 0.254 iaitu kurang daripada 2 peratus. Hal ini menunjukkan wujudnya masalah autokorelasi. Dari segi Random Effect Model (REM) pula menunjukkan bahawa pelaburan langsung asing juga signifikan iaitu pada aras keertian 10%, manakala pembolehubah lain adalah tidak signifikan. Kesemua pembolehubah menunjukkan hubungan yang negatif terhadap pengangguran. Hal ini dapat dibuktikan bahawa apabila pengangguran meningkat sebanyak 1 peratus menyebabkan KDNK berkurang sebanyak 0.0026 peratus dan pelaburan langsung asing juga turut berkurang sebanyak 0.1556 peratus. Kadar inflasi turut menunjukkan nilai yang berhubung secara songsang terhadap pengangguran kerana apabila pengangguran meningkat sebanyak 1 peratus, kadar inflasi berkurang sebanyak 0.0055 peratus. Nilai R^2 pula menunjukkan sebanyak 0.024. Hal ini bermakna hanya terdapat 2 peratus variasi pengangguran dapat diterangkan oleh KDNK, FDI, dan kadar inflasi. Dari segi 'durbin watson' pula adalah sebanyak 0.251 iaitu kurang daripada 2 peratus. Hal ini menunjukkan wujudnya masalah autokorelasi.

4.3. Ujian Hausman dan Chow

Jadual 3. Ujian Hausman dan Chow

Test	Chi-Sq. Statistic	Prob.	Method
Hausman Test	0.012338	0.9996	Random Effect Model
Chow Test	30.5295	0.000	Fixed Effect Model

Pemilihan model antara pooled least square, fixed effect model, dan random effect model perlu melalui beberapa ujian seperti ujian hausman, likelihood ratio dan seumpamanya. Ujian likelihood ratio dijalankan bagi mengkaji kaedah mana yang lebih sesuai antara pooled least square (CCM) dengan Fixed Effect Model (FEM). Ujian likelihood ratio dijalankan oleh pengkaji keatas model pengangguran. Hasil ujian yang dijalankan ini menunjukkan bahawa nilai kebarangkalian adalah lebih kecil daripada nilai signifikan. Hal ini dapat dijelaskan bahawa nilai p-value ialah 0.0000 iaitu lebih kecil daripada nilai signifikan 1%, 5% dan 10%. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa H_0 ditolak dan kaedah Fixed Effect Model (FEM) adalah yang terbaik. Oleh itu, ujian hausman test perlu dijalankan untuk mengenalpasti kaedah mana yang paling tepat dan sesuai. Ujian hausman dijalankan bagi mengkaji kaedah yang mana lebih baik antara Fixed Effect Model (FEM) dengan Random Effect Model (REM). Ujian hausman dijalankan oleh pengkaji keatas model kadar pengangguran. Hasil daripada keseluruhan kajian yang dijalankan ini menunjukkan bahawa nilai kebarangkalian lebih besar daripada nilai signifikan. Hal ini dapat dijelaskan bahawa nilai p-value sebanyak 0.9996 iaitu lebih besar daripada nilai signifikan pada aras keertian 1%, 5% dan 10%. Oleh itu, terima H_0 yang menunjukkan bahawa kaedah REM adalah yang terbaik.

Random Effect Model (REM) menunjukkan bahawa pelaburan langsung asing juga signifikan iaitu pada aras keertian 10%, manakala pembolehubah lain adalah tidak signifikan. Kesemua pembolehubah menunjukkan hubungan yang negatif terhadap pengangguran. Hal ini dapat dibuktikan bahawa apabila pengangguran meningkat sebanyak 1 peratus menyebabkan KDNK berkurang sebanyak 0.0026 peratus dan pelaburan langsung asing juga turut berkurang sebanyak 0.1556 peratus. Kadar inflasi turut menunjukkan nilai yang berhubung secara songsang terhadap pengangguran kerana apabila pengangguran meningkat sebanyak 1 peratus, kadar inflasi berkurang sebanyak 0.0055 peratus. Nilai R^2 pula menunjukkan sebanyak 0.024. Hal ini bermakna hanya terdapat 2 peratus variasi pengangguran dapat diterangkan oleh KDNK, FDI, dan kadar inflasi. Dari segi 'durbin watson' pula adalah sebanyak 0.251 iaitu kurang daripada 2 peratus. Hal ini menunjukkan wujudnya masalah autokorelasi.

4.4. Analisis Ujian Diagnostik

Masalah multicollinearity yang berlaku antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bebas yang lain. Dari segi GDP menunjukkan bahawa nilai tolerance ialah 0.915 iaitu lebih besar daripada 0.1, dan nilai VIF adalah 1.093 iaitu kurang daripada 10, maka tidak wujudnya masalah multikolinearity dalam model regresi. Dari segi pelaburan langsung asing (fdi) juga menunjukkan bahawa nilai tolerance ialah 0.856 iaitu lebih besar daripada 0.1, dan nilai VIF adalah 1.168 iaitu kurang daripada 10, maka dapat menunjukkan bahawa tidak wujudnya masalah multikolinearity dalam model regresi. Kadar inflasi menunjukkan bahawa nilai tolerance ialah 0.838 iaitu lebih besar daripada 0.1, dan nilai VIF adalah 1.194 iaitu kurang daripada 10, maka dapat menunjukkan bahawa tidak wujudnya masalah multikolinearity dalam model regresi. Ujian Heteroskedastisiti adalah ujian yang dijalankan untuk menilai sama ada terdapat ketidaksamaan antara pembolehubah untuk semua pemerhatian dalam model regresi linear. Ujian ini adalah salah satu ujian asumsi klasik yang mesti dilakukan dalam regresi linier. Sekiranya andaian heteroscedasticity tidak dipenuhi, maka model regresi dinyatakan tidak sah sebagai alat peramalan.

Ujian ini dijalankan bagi mengetahui sama ada wujud masalah heteroscedasticity antara satu pembolehubah dengan pembolehubah yang lain. Ujian menunjukkan bahawa hubungan antara kadar pengangguran dengan KDNK, FDI dan Kadar inflasi tidak wujud masalah heteroscedasticity kerana nilainya lebih besar daripada nilai signifikan iaitu lebih besar daripada 0.05. Manakala hubungan antara KDNK dengan FDI menunjukkan wujudnya masalah heteroscedasticity kerana niainya 0.02% iaitu kurang daripada 0.05 tetapi hubungan KDNK dengan kadar inflasi tidak wujud masalah heteroscedasticity kerana nilainya ialah 0.08 iaitu lebih besar daripada nilai signifikan 0.05%. Dari segi FDI dengan kadar inflasi pula menunjukkan wujudnya masalah heteroscedasticity kerana nilainya 0.00% iaitu kurang daripada signifikan iaitu 0.000 lebih kurang daripada 0.05.

5. Kesimpulan

Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti hubungan diantara pengangguran dengan keluaran dalam negara kasar, pelaburan langsung asing, dan kadar inflasi di negara-negara ASEAN dengan menggunakan data bagi 3 buah negara berpendapatan sederhana dan penggunaan tempoh selama 37 tahun bermula dari tahun 1980 hingga 2017. Kajian ini mengaplikasikan Pooled OLS, Model Kesan Tetap (FEM) dan Model Kesan Rawak (REM). Ujian Chow dan Ujian Hausman dilakukan bagi menentukan model yang bersesuaian digunakan dalam kajian ini. Rumusan daripada dapatan kajian menunjukkan bahawa pengangguran kurang mempengaruhi terhadap kadar inflasi. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat faktor lain yang mempunyai hubungan yang lebih kuat dalam mempengaruhi kadar pengangguran iaitu keluaran dalam negara kasar dan pelaburan langsung asing. Hasil kajian turut menunjukkan bahawa pengangguran mempunyai hubungan negatif dengan keluaran dalam negara kasar, pelaburan langsung asing, dan kadar inflasi.

Secara keseluruhannya, masalah pengangguran ini merupakan cabaran kepada seluruh negara di dunia ini terutamanya negara-negara ASEAN. Namun begitu, ianya tidak seharusnya menjadi satu budaya tanpa mencipta sebarang bantuan dan tindakan. Tenaga kerja sesebuah negara perlu memajukan diri, apatah lagi dalam mengatasi segala kejujuran, ketelusan tanpa sentimen politik adalah sangat dituntut. Ekonomi yang baik dan pertumbuhan ekonomi yang pesat dapat menentukan negara tersebut menjadi lebih maju. Sesebuah negara yang maju perlu mempunyai pendapatan perkapita yang tinggi, pelaburan yang maju dan kadar inflasi yang lebih stabil. Hal ini mampu untuk rakyat menikmati kualiti hidup yang lebih baik serta kadar kemiskinan dapat dikurangkan. Sesebuah negara yang maju perlulah menggunakan teknologi terkini untuk meningkatkan pengeluaran supaya permintaan di pasaran dapat dipenuhi. Hasil penemuan kajian membuktikan bahawa, keluaran dalam negara kasar memberi kesan langsung terhadap pengangguran bagi negara-negara ASEAN dan ini menyamai penemuan kajian-kajian terdahulu yang turut berpendapatan kesan pertumbuhan ekonomi memberi kesan yang positif dari aspek kadar pengangguran.

Keputusan ini sedikit sebanyak menyokong asas teori Okun (1962) yang memfokuskan ke arah negara membangun dalam merencanakan pola pengangguran. Kadar inflasi memberikan kesan yang positif terhadap perubahan dalam kadar pengangguran. Hal ini bertentangan dengan kajian-kajian terdahulu yang berpendapat peningkatan kadar inflasi akan meningkatkan kadar pengangguran. Peningkatan terhadap harga umum akan mengurangkan kuasa beli pengguna dan seseorang memerlukan lebih banyak wang untuk mendapatkan sesuatu barang. Hal ini memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi dan pengangguran akan meningkat. Sementara, aliran FDI pula memberi kesan terhadap trend pengangguran di Malaysia, Indonesia dan Thailand, kerana kerancangan dan kemajuan ekonomi yang dijana melalui projek-projek pembangunan yang berdasarkan aliran FDI asing telah mencipta banyak peluang pekerjaan dan mengimbangi struktur pasaran buruh tanpa sebarang tekanan pengangguran. Tahap kebergantungan sebegini hanya mampu membantu struktur pasaran buruh di negara ASEAN ini..

Kajian mengenai pelaburan langsung asing, keluaran dalam negara kasar, kadar inflasi dan kadar pengangguran di negara-negara ASEAN dapat membuka minda masyarakat terutamanya kepada para ekonomi dengan pemahaman yang lebih mendalam mengenai isu pengangguran malah memberi pandangan yang lebih jauh dan meluas dalam aspek ekonomi dan sosial. Perbincangan kajian ini diharapkan dapat memberi idea-idea baru kepada generasi muda

kini untuk mengatasi isu-isu global yang menjadi pencetus kepada krisis ekonomi dunia dan memberi persediaan dalam menghadapi masalah ekonomi yang mendatang.

5.1. Cadangan dan Implikasi Dasar

Bagi mencapai kadar pengangguran yang lebih baik, ia sangat berkait dengan jumlah pendapatan negara, pelaburan langsung asing dan perubahan terhadap kadar inflasi dalam sesebuah negara. Implikasi terhadap polisi yang dilakukan negara "*Organisation for Economic Cooperation and Development*" (OECD) adalah berdasarkan hasil keputusan daripada perbincangan dalam kajian untuk mengatasi isu pengangguran yang berterusan di negara ASEAN terutamanya isu pengangguran yang kian meningkat. Inisiatif dan usaha negara OECD melalui dasar yang dilakukan menjadi petunjuk kepada semua negara dalam mengurangkan agregat pengangguran dengan meningkatkan keberhasilan dalam pencarian kerja yang bersesuaian dengan kemahiran sendiri dan seterusnya ingin mengurangkan tekanan keatas upah benar.

Antara langkah dan tindakan yang diambil oleh negara adalah seperti Dasar Pasaran Buruh Aktif (ALMP) kerana ia menyediakan latihan, program latihan semula, kaunseling pencarian kerja, perkhidmatan broker kerja dan subsidi pekerjaan bagi membantu golongan yang menganggur. Perundangan perlindungan pekerjaan (EPL) dilaksanakan sebagai satu undang-undang dimana sesebuah firma mempunyai kuasa yang terhad terhadap pengambilan dan pemecatan terhadap pekerja. Hal ini bagi memastikan perlindungan kebajikan pekerja terjamin dimana majikan tidak dapat memberhentikan pekerja sewenang-wenangnya. Dasar pertimbangan turut ditekankan dengan 5 prinsip utama iaitu dasar pro-pekerjaan dimana ia memberi tumpuan terhadap inovasi pekerjaan manakala prinsip kedua merujuk kepada sasaran dalam industri dengan potensi yang besar dalam pertumbuhan ekonomi dan dalam bidang pekerjaan. Prinsip ketiga adalah penekanan terhadap keperluan dalam perkembangan pendidikan dan pembelajaran. Prinsip keempat pula lebih menekankan sistem inovasi semula jadi dan prinsip kelima merujuk kepada perolehan faedah daripada penggunaan teknologi baru.

- Negara anggota ASEAN perlulah memikirkan polisi serta dasar yang bertepatan dan bersesuaian dengan globalisasi masa kini. Contohnya, peranan yang perlu dimainkan oleh pihak kerajaan dalam mencipta pelbagai peluang pekerjaan termasuklah pembangunan industri kecil dan sederhana bagi golongan penduduk yang bergiat aktif dengan aktiviti berasaskan sumber asas ekonomi di kawasan luar bandar, mengurangkan kadar kebergantungan terhadap aliran FDI tetapi mewujudkan peluang kepada pelabur tempatan untuk meningkatkan aliran pelaburan domestik langsung (DDI) bagi meningkatkan kemajuan ekonomi negara.
- Menggalakkan hubungan kerjasama serantau dalam membangunkan ekonomi serantau sebagai strategi bagi jangka masa panjang. Sememangnya, isu yang di rungkai melalui kajian ini memberi gambaran menyeluruh struktur perubahan ekonomi dan pasaran buruh di kalangan negara-negara ASEAN dan keseimbangan ini harus dipelihara dengan dasar serta polisi untuk melestarikan ekonomi rantau ASEAN di masa akan datang. Cabaran-cabaran baru mungkin timbul sejurus terlaksananya 'Komuniti ASEAN' dan antara kesan yang boleh dijangkakan adalah keterbukaan ekonomi, liberalisasi perdagangan dan mobiliti buruh terhadap negara anggota ASEAN. Hal ini bagi memastikan struktur buruh dan mobiliti tenaga kerja rantau ASEAN lebih berdaya saing dan mampu bersaing dengan negara-negara maju.
- Memperkenalkan negara menerusi pameran dan kunjungan daripada rombongan ekonomi ke negara-negara lain. Lawatan sebegini mampu memberikan kesedaran terhadap kelebihan dan kepentingan menjalankan perniagaan di negara kita. Kemasukan modal asing yang lumayan ke negara kita sudah pasti mampu menjana lebih banyak aktiviti ekonomi. Projek-projek pembangunan akan memerlukan tenaga kerja yang lebih banyak dan terus menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat. Hal ini membuktikan bahawa langkah untuk memperkenalkan negara ke luar negara amat bersesuaian supaya kemelut pengangguran dapat dikurangkan.

5.2. Limitasi Kajian

Kajian yang dijalankan hanya melibatkan negara-negara ASEAN dan hanya melibatkan 3 buah negara iaitu Malaysia, Indonesia dan Thailand. Penggunaan tempoh masa adalah melibatkan 38 tahun iaitu bermula dari tahun 1980 hingga 2017. Oleh itu, hasil kajian yang diperolehi adalah merujuk kepada negara membangun dan maklumat yang diperolehi juga adalah berdasarkan negara berpendapatan sederhana. Maklumat yang diperolehi adalah melalui data sekunder dimana data-data yang dikumpulkan adalah melalui World Bank. Hasil maklumat yang diperolehi untuk membincangkan kajian ini dengan lebih mendalam adalah dengan merujuk kepada ekonomi negara membangun.

Sumbangan Pengarang: Pengkonsepian, M.A.M.A.; metodologi, M.A.M.A., B.T.P. dan G.S.L.; perisian, B.T.P. dan G.S.L.; pengesahan, M.A.M.A., B.T.P. dan G.S.L.; analisis formal, M.A.M.A. dan B.T.P.; penyiasatan, A.A.R. dan J.S.; sumber, A.A.R.; penyusunan data, A.A.R.; penulisan—penyediaan draf asal, M.A.M.A., B.T.P. and G.S.L.; menulis—menyemak dan menyunting, M.A.M.A., B.T.P. and G.S.L.; visualisasi, M.A.M.A.; penyeliaan, B.T.P. dan G.S.L.; pentadbiran projek, B.T.P. dan G.S.L.; pemerolehan pembiayaan, G.S.L. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju dengan versi manuskrip yang diterbitkan.

Pembiayaan: Penyelidikan ini tidak menerima pembiayaan luar.

Institutional Review Board Statement: Tidak berkaitan.

Kenyataan Persetujuan Termaklum: Persetujuan termaklum telah diperoleh daripada semua subjek yang terlibat dalam kajian.

Kenyataan Ketersediaan Data: Tidak berkaitan.

Ucapan Terima Kasih: Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Universiti Malaysia Terengganu, Malaysia dan Institut Agama Islam Tazkia, Bogor, Indonesia kerana menyokong penyelidikan dan penerbitan ini. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pengulas atas komen dan cadangan yang membina.

Konflik Kepentingan: Pengarang mengisytiharkan tiada konflik kepentingan dalam kajian ini.

Rujukan

- Adhikary, B. K. (2017). Factors influencing foreign direct investment in South Asian economies: A comparative analysis. *South Asian Journal of Business Studies*, 6(1), 8–37.
- Alghofari, F., & Pujiyono, A. (2010). Analisis tingkat pengangguran di Indonesia tahun 1980-2007. *Jurnal Pengangguran*, 1(1), 22–52.
- Baharin, N., Yussof, I., & Ismail, R. (2012). Faktor-faktor yang mempengaruhi pengangguran di Malaysia. *Prosiding PERKEM VII, Jilid, 1*, 209–227.
- Basmar, E., Sartika, S. H., Suleman, A. R., Faried, A. I., Damanik, D., Amruddin, A., Purba, B., Wisnujati, N. S., & Nugraha, N. A. (2021). *Ekonomi Pembangunan: Strategi dan Kebijakan*. Yayasan Kita Menulis.
- Bhaumik, S. K. (2015). Principles of econometrics: A modern approach using eviews. *OUP Catalogue*.
- Calvo, E. (2009). *The impact of pension policy on older adults' life satisfaction: An analysis of longitudinal multilevel data*. Boston College.
- Das, C., & Nanga, R. (2022). Internet usage and economic development: Evidence from a Panel Data. *Journal of Contemporary Issues in Business and Government Vol, 28(4)*, 55–64. <https://doi.org/10.47750/cibg.2022.28.04.005>
- Edwards, E. O. (1974). Employment in developing countries. *World Development*, 2(7), 1–27.
- Erkul, A., & Külünk, İ. (2022). Vulnerable employment in developing economies: The case of sub-Saharan African countries. *African Development Review*, 34(3), 381–394.
- Farsio, F., & Quade, S. (2003). An empirical analysis of the relationship between GDP and unemployment. *Humanomics*, 19(3), 1–6.
- Franita, R., Harahap, A. F. D., & Sukriah, Y. (2019). Analisa pengangguran di Indonesia. *Nusantara: Jurnal Ilmu Pengetahuan Sosial*, 6(1), 88–91.
- Friedman, M. (1995). *The role of monetary policy*. Springer.
- Froot, K. A. (1993). Introduction to " Foreign Direct Investment". In *Foreign Direct Investment* (pp. 1–12). University of Chicago Press.
- Haidar, M. I., & Firmansyah, F. (2021). Analisis pertumbuhan ekonomi negara-negara asean. *Forum Ekonomi*, 23(3), 593–605.
- Hasan, N., & Sun'an, M. (2020). The Effect of Private Inflation and Investment on Unemployment and Poverty in North Maluku Province. *Journal of International Conference Proceedings*, 3(3), 36–48.
- Karanassou, M., & Snower, D. J. (2002). *An anatomy of the Phillips curve*. Working Paper.
- Kreishan, F. M. (2011). Economic growth and unemployment: An empirical analysis. *Journal of Social Sciences*, 7(2), 228–231.
- León-Ledesma, M., & Piracha, M. (2004). International migration and the role of remittances in Eastern Europe. *International Migration*, 42(4), 65–83.
- Loganathan, N., & Thirunaukarasu, S. (2008). Foreign Capital Inflows and Unemployment: The Case of Malaysia. *International Trade and Finance Association Conference Papers*, 10.
- Mankiw, N. G. (2000). *Macroeconomics*. WH Freeman.
- Marican, S. (2005). *Membentuk suasana kerja positif*. Utusan Publications.
- Noor, Z. M., Nor, N. M., & Ghani, J. A. (2007). The relationship between output and unemployment in Malaysia: Does Okun's law exist. *International Journal of Economics and Management*, 1(3), 337–344.

- Osman, Z., & Yussof, I. (2005). Dasar dan Masalah Guna Tenaga di Malaysia: Pengalaman Khusus Isu Pekerja Asing dan Pengangguran Siswazah. *Kertas Kerja Di Bentangkan Di Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia IX (SKIM IX), FSSKUNPAD, Bandung, Indonesia.*
- Pesaran, M. H., & Shin, Y. (1996). Cointegration and speed of convergence to equilibrium. *Journal of Econometrics*, 71(1–2), 117–143.
- Pesaran, M. H., Shin, Y., & Smith, R. J. (1996). *Testing for the Existence of a Long-run Relationship*. Faculty of Economics, University of Cambridge.
- Phelps, E. S. (1967). Phillips curves, expectations of inflation and optimal unemployment over time. *Economica*, 254–281.
- Purba, B., Rahmadana, M. F., Basmar, E., Sari, D. P., Klara, A., Damanik, D., Faried, A. I., Lie, D., Fazira, N., & Rozaini, N. (2021). *Ekonomi Pembangunan*. Yayasan Kita Menulis.
- Putong, I. (2003). *Pengantar Ekonomi Mikro dan Makro* (2nd ed.). Ghalia Indonesia.
- Ramli, N. R., Yusof, M. K. A., Hashim, E., & Fang, T. X. (2016). Kesan Kenaikan Harga Minyak Terhadap Kadar Inflasi: Suatu Pengujian Diagnostik: Effect of the Increase in Fuel Price on the Inflation Rate: A Diagnostic Study. *Management Research Journal*, 5, 40–50.
- Ramzan, M., & Ahmad, E. (2014). External debt growth nexus: Role of macroeconomic polices. *Economic Modelling*, 38, 204–210.
- Rasidi, A. A. (2011). *Faktor-faktor yang mempengaruhi pelaburan langsung asing di Malaysia*. Universiti Malaysia Terengganu.
- Sahban, M. A. (2018). *Kolaborasi Pembangunan Ekonomi di Negara Berkembang*. Sah Media.
- Salleh, N. H. M., Othman, R., & Sarmidi, T. (2012). Pelaburan Langsung Asing dan Perkembangan Pelancongan: Kointegrasi dan Ujian Penyebab Granger di Sepuluh Destinasi Utama Pelancongan. *International Journal of Management Studies*, 19(1), 175–191.
- Samuelson, P. A., & Solow, R. M. (1960). Analytical aspects of anti-inflation policy. *The American Economic Review*, 50(2), 177–194.
- Schreiber, S., & Soldatenkova, N. (2016). Anticipating business-cycle turning points in real time using density forecasts from a VAR. *Journal of Macroeconomics*, 47, 166–187.
- Tingi, N. Y., & Lingji, L. S. (2011). Okun's Law in Malaysia: An autoregressive distributed LAG (ARDL) approach with Hodrick-Prescott (HP) filter. *Journal of Global Business and Economics*, 2(1), 95–103.
- Were, M. (2001). *The impact of external debt on economic growth in Kenya: An empirical assessment* (Issue 2001/116). WIDER discussion paper.
- Yusof, N. (2011). Pelaburan Langsung Asing dan Pembangunan Industri Barangan Elektrik dan Elektronik di Negeri Pulau Pinang, 1970–2007. *Kemanusiaan*, 18(2), 43–74.